

# Syor jadikan seni kraftangan pelajaran wajib kepada arkitek

U.M. 14 DEC 1978

**K**UALA LUMPUR, 13 Dis. — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengesyorkan supaya seni kraftangan dijadikan matapelajaran penting bagi semua arkitek yang didaftarkan di negara ini.

Beliau juga mencadangkan dianjurkan pertandingan reka bentuk dan model bangunan yang mencerminkan keperibadian Malaysia guna mempengaruhi lagi bentuk bangunan supaya memberi identiti setempat.

Ini kerana bangunan-bangunan yang ada di Kuala Lumpur dan seluruh negara tidak sekali-kali memberi identiti Malaysia.

Berucap melancarkan buku "Seni Pertukangan Tangan Malaysia" karya Tan Sri Mubin Shapperd serta pameran "pertukangan tangan Malaysia" di Muzium Negara petang ini, beliau berkata kerajaan sedia memberi hadiah yang bernilai untuk pertandingan reka-bentuk dan model bangunan itu.

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir berharap pihak syarikat-syarikat swasta juga akan mengeluarkan hadiah yang menggalakkan. Persatuan Arkitek Malaysia juga harus memainkan peranan yang utama dalam menganjurkan pertandingan tersebut.

Menurutnya, bangunan-bangunan yang sedang dan sudah didirikan di Kuala Lumpur dan seluruh negara pada umumnya tidak mempunyai karektor dan tidak sekali-kali memberi keperibadian Malaysia.

Beliau berpendapat, ini mungkin kerana kebanyakan dari arkitek tempatan dilatih di barat dan tidak terdapat sebarang kursus tertentu berkenaan kesenian kraftangan dan rupa bentuk tempatan serta cara-cara menyesuaikan dengan bentuk bangunan moden.

Menyentuh tentang pameran itu yang didayausahakan oleh Mobil Malaysia, Dr. Mahathir berkata, di negara-negara timur, kemahiran seseorang tukang dan artis-artis yang mempunyai kemahiran tertinggi diiktiraf oleh kerajaan dengan menjadikan mereka "Warisan Negara".

Sebagai warisan negara tambah beliau, mereka diberi layanan istimewa yang bertujuan supaya mereka dapat hidup sempurna dan kesenian serta kemahiran mereka tidak luput.

Dalam hubungan ini tegas Dr. Mahathir, Malaysia juga perlu mengkaji kemungkinan memberikan pengiktirafan seperti itu ke arah mengelak dari luput dan hilangnya kemahiran serta kecekapan kraftangan.

Di samping itu tambahnya, generasi muda pula hendaklah mempunyai keyakinan yang penuh terhadap masa depan kemahiran yang mereka warisi dari nenek-moyang mereka.

Dr. Mahathir menarik perhatian generasi muda bahawa mereka boleh mendapat pendapatan yang memuaskan kalau mereka sanggup mengekalkan mutu hasil kemahiran tradisional.

Di samping itu katanya, naungan yang diberikan oleh golongan feudal dahulu perlu digantikan dengan naungan rakyat negara ini sendiri.

"Ini harus kita lakukan kerana naungan golongan feudal dahululah yang telah menzahir, memelihara dan memuliakan kemahiran tradisional," ujarnya.

Dr. Mahathir menegaskan, tanpa nilai estetika dan naungan yang tidak terputus dari golongan feudal tersebut, kesenian negara akan hilang.